

15 JUN 2000

Syed Hamid-ICFM/I

MALAYSIA TAWAR DIRI JAWATAN PENTING DALAM OIC

Oleh: E.Sivabalan

KUALA LUMPUR, 15 Jun (Bernama) -- Malaysia yang akan menjadi tuan rumah Persidangan Menteri-menteri Luar Islam (ICFM) ke-27 di sini mulai 27 Jun, akan bertanding jawatan penolong setiausaha Pertubuhan Persidangan Negara-negara Islam (OIC).

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata Kuala Lumpur sedang mendapatkan sokongan negara anggota OIC bagi Duta Datuk Sallehuddin Abdullah dicalonkan untuk jawatan itu.

Beliau berkata pada masa yang sama, Malaysia juga akan menilai beberapa calon bagi jawatan setiausaha agung OIC yang kosong pada 2001. Jawatan bagi tempoh empat tahun itu kini dipegang Prof Dr Azeddine Laraki dari Maghribi.

Perdana Menteri Malaysia Tunku Abdul Rahman memegang jawatan sebagai setiausaha agung dari 1970-1973.

Ketika bercakap kepada Bernama dalam satu temubual baru-baru ini, Syed Hamid berkata Malaysia akan menyokong "seorang calon yang cenderung membawa pembaharuan, yang peka kepada keperluan negara-negara anggota serta komited ke arah memastikan sekretariat yang lebih cekap dan berkesan."

Beliau juga berkata bagi memastikan idea baru dan pemimpin baru dalam sekretariat itu, Malaysia percaya OIC seboleh-bolehnya hendaklah mengelak daripada melanjutkan tempoh perkhidmatan setiausaha agung dan penolong setiausaha agung.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijadual merasmikan ICFM pada 27 Jun. Persidangan empat hari itu akan dihadiri setiausaha agung OIC.

Seramai kira-kira 1,000 perwakilan dari negara anggota OIC akan menghadiri mesyuarat itu, kali kedua dianjurkan Malaysia. Kuala Lumpur menjadi tuan rumah pada 1974.

OIC diasaskan pada 1969, dianggotai 56 negara anggota dan empat negara pemerhati iaitu Bosnia dan Herzegovina, Republik Afrika Tengah, Cote D'Ivoire dan Thailand.

Dalam temubual itu, Syed Hamid berkata Malaysia berharap OIC menjadi "sebuah pertubuhan yang lebih kukuh, lebih cekap dan berkesan dengan pentadbiran yang tegas dan bertanggungjawab".

"Pendeknya, kita perlu membuat pembaharuan pada nadi pertubuhan ini, iaitu sekretariat," katanya.

Syed Hamid berkata OIC patut memandang serius ke hadapan ke arah menggabungkan sebahagian daripada badan dan anggota gabungan pertubuhan itu bagi mengurangkan kos operasi.

"Kos bagi menguruskan badan dan institusi ini terlalu tinggi menyebabkan sesetengah negara anggota tidak mampu membayar sumbangan masing-masing kepada pertubuhan," katanya.

Beliau berkata kos yang tinggi itu kadang kala juga disebabkan oleh perbelanjaan yang tidak berhemat.

"Jika kita mendapati fungsi sesetengah institusi itu bertindih atau tidak relevan, sebagai negara anggota yang bertanggungjawab, kita tidak harus ragu-ragu untuk menutupnya," kata Syed Hamid.

Menteri itu berkata negara anggota OIC telah mengusahakan dan mula menjalankan tanngjawab membawa pembaharuan kepada pertubuhan itu "bagi memulihkan kredibiliti OIC".

Syed Hamid berkata Malaysia sudah sedia untuk memainkan peranan utama bagi menggiatkan semula OIC "jika ada sokongan dan komitmen politik yang kuat di kalangan negara anggota ke arah objektif yang mulia ini."

"Bagaimanapun, pada masa ini, Malaysia mendapati negara-negara anggota belum bersungguh untuk melakukannya" katanya.

Beliau berkata pada mesyuarat ICFM ke-26 di Burkina Faso, Malaysia merupakan satu-satunya negara yang menggesa pembaharuan dan mengubah semula OIC.

"Sebagai negara pengasas, Malaysia sentiasa bersikap tegas dalam menyuarakan perlunya pembaharuan dalam OIC supaya terus berkesan dan relevan bagi melindungi kepentingan ummah," katanya.

Ditanya apa yang akan diketengahkan oleh Malaysia pada ICFM di sini, Syed Hamid berkata Kuala Lumpur akan mendesak bagi mewujudkan struktur kewangan antarabangsa (IFA) dan pengukuhan sistem perdagangan pelbagai hala.

Katanya Malaysia telah mencadangkan perkara itu pada mesyuarat persiapan para pegawai kanan OIC di Jeddah.

Mengenai isu-isu politik, Malaysia akan membangkitkan isu Chechnya, Kosovo, campurtangan kemanusiaan dan E-Kedaulatan, katanya.

Mengenai "Islam dan Globalisasi" sebagai tema ICFM, Syed Hamid berkata adalah penting bagi ICFM mewujudkan kesedaran di kalangan negara anggota Islam terhadap impak proses globalisasi.

Ketika ditanya mengenai kurangnya perpaduan di kalangan negara anggota, beliau berkata setiap negara anggota mempunyai prinsip yang mengawal pentadbiran dasar dan kepentingan sebagai sebuah negara.

Bagi Malaysia, ia akan terus membuat komen membina untuk kebaikan ummah dan konsisten dengan sebuah Hadis naib "Allah tidak akan mengubah nasib seseorang kecuali dia sendiri berbuat demikian".

"Apapun kekurangannya, kita percaya OIC masih mempunyai peranan penting untuk dilaksanakan bagi melindungi ummah serta mencari jalan penyelesaian kepada permasalahan yang dihadapi dunia Islam.

"Dalam semangat ini, Malaysia akan terus memberi mandat dan amanah baru daripada segi pendekatan dan pandangan," katanya.

Teks temuramah penuh dengan menteri luar itu boleh didapati menerusi laman web Bernama di www.bernama.com

-- BERNAMA
ES LAT RON